

**Puteri Umno Kubang Pasu Bantu Keluarga India Sambut Deepavali  
Bernama  
12 November, 2012**

CHANGLUN, 12 Nov (Bernama) -- Berteraskan semangat 1Malaysia, Puteri Umno Kubang Pasu Isnin menyampaikan bantuan kepada dua keluarga India yang dalam kesempitan hidup di daerah ini, sempena sambutan Deepavali esok.

Bantuan berbentuk wang tunai dan barangan dapur itu disampaikan Ketuanya Wan Zawiyah Wan Halim yang mengunjungi rumah kedua-dua keluarga berkenaan di kawasan perumahan kos rendah Taman Setiajaya di sini.

Rumah pertama didiami G Ravindran, 32 dan isteri M Subashini, 28 serta tiga anak mereka yang masing-masing bersekolah di tahun tiga, lima dan enam.

Ravindran yang baharu menjalani pembedahan usus, berkata beliau sudah tiga bulan tidak bekerja sejak menderita sakit perut akibat tertelan dawai kokot (stapler) yang mengakibatkan ususnya bernanah.

"Hari ini saya akan ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk membuka jahitan, namun tidak dapat bekerja sehingga kesihatan saya pulih sepenuhnya," kata Ravindran yang bekerja sebagai kelindan lori dengan pendapatan RM700 sebulan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708758>